

# 30 lokasi tumpuan warga asing

Koloni dikatakan berani bina kemudahan sendiri seperti kedai dan sekolah

Oleh Nor Azizah Mokhtar  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Sekurang-kurangnya 30 lokasi di sekitar Lembah Klang, ketika ini dikenal pasti menjadi tumpuan koloni warga asing dari pelbagai negara.

Lembah Klang yang terkenal dengan kepesatan pembangunan dan aktiviti perniagaan di bandar-bandar utama, besar, menjadi daya tarikan utama kehadiran warga asing untuk memenuhi keperluan pekerjaan yang terbuka luas untuk golongan itu.

Permintaan tinggi tenaga kerja dalam sektor pembinaan, perkhidmatan dan pembersihan menjadikan warga asing alternatif terbaik bagi majikan menggajikan mereka.

Bagaimanapun, jumlah mereka yang terlalu ramai memberi impak kepada penduduk tempatan apabila mereka mula membina koloni dan mula mendominasi sesuatu kawasan.

Tinjauan BH mendapati, kini beberapa kawasan sekitar Lembah Klang menjadi 'perkampungan' beberapa koloni warga asing sehingga menimbulkan rasa kurang senang orang ramai.

Warga Indonesia yang menjadi kelompok warga asing teramai di negara ini, bertaburan di seluruh Lembah Klang dengan kebanyakannya di pusat bandar Kuala Lumpur, Sungai Buloh, Ampang, Selayang, Shah Alam, Kajang, Rawang, Gombak, Puchong dan Klang.

Begitu juga dengan warga Bangladesh banyak kelihatan di Leboh Ampang, Bukit Bintang dan Cheras Baru, manakala pelarian etnik Rohingya pula tertumpu di Ampang, Gombak dan Seri Kembangan.

Bukan setakat berani membuka perniagaan, malah koloni warga asing ini turut membina kemudahan sendiri seperti surau, kedai runcit, kedai makan dan sekolah, sekali gus membuktikan mereka sudah bertapak lama di Malaysia.

Selayang pula 'dikuasai' warga Rohingya sejak sekian lama, manakala warga China dan Korea menjadikan beberapa lokasi di Ampang, Cheras dan Kuchai Lama sebagai port mereka.

Kelompok warga Pakistan pula memilih Cheras, Puchong, Shah Alam, Seri Kembangan, Nilai dan Dengkil dengan kebanyakannya menjalankan perniagaan.

Sejak lebih 10 tahun lalu, se-

**Eksklusif**

makin ramai warga India, Nepal, Arab dan Afrika menghuni sekitar Lembah Klang.

Apabila tiada tindakan penguatkuasaan yang berterusan dan tuntas daripada pihak berkuasa, kelompok ini mula 'naik tolang' dan besar kepala, selain memperkukuh komuniti mereka hingga digeruni penduduk tempatan.

Lambakan warga asing ini bukan sahaja menguasai lokasi strategik sekitar Lembah Klang, termasuk ibu kota, malah bebas menjalankan perniagaan sah dan haram.

Pemerhati berpendapat, isu pendatang asing tanpa izin tidak akan berakhir tanpa mekanisme pembanterasannya yang berkesan dan berterusan. Pihak berwajib perlu lebih bertanggungjawab dengan tugas masing-masing.

Sikap melepaskan batuk di tangga tidak seharusnya diamalkan pihak yang bertanggungjawab kerana jika isu dibiarkan, ia akan terus menjadi barah yang akan merosakkan masyarakat dan negara.

## Sentiasa jalankan operasi

Sementara itu, Jabatan Imigresen melihat keperluan memenuhi permintaan sektor pekerjaan terutama pembinaan dan perkhidmatan menjadi antara faktor Lembah Klang terutama ibu negara menjadi tumpuan warga asing.

Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia (Imigresen) Kuala Lumpur, Syamsul Badrin Mohshin, berkata keperluan yang tinggi untuk tenaga kerja dalam kalangan warga asing menyebabkan ramai majikan di ibu negara menggajikan golongan terbabit.

"Isu di Kuala Lumpur ini ialah masyarakat melihat kehadiran ramai warga asing. Kita memang kerap mendapat aduan mengenai kebanjiran kelompok itu, namun bila buat pemeriksaan, kita dapati kebanyakan mereka mempunyai dokumen yang sah.

"Persepsi rakyat bila nampak saja warga asing, mereka mendakwa itu adalah pendatang asing tanpa izin (PATI) dan mula menuduh pihak berkuasa seperti Imigresen, polis dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tak buat kerja.

"Namun hakikatnya, warga asing yang kita lihat itu tidak semestinya PATI. Seperti baru-baru ini kita buat pemeriksaan di Puduraya, memang dapat tahan ramai (warga asing), tetapi kita lepaskan semula kerana mereka mempunyai dokumen dan



Kebanjiran warga asing di Lembah Klang meresahkan penduduk tempatan.

(Foto hiasan)

## Lokasi tumpuan penempatan warga asing di sekitar Lembah Klang



pas kerja yang sah," katanya kepada BH.

Syamsul Badri berkata, pihaknya memang memandang serius isu kebanjiran warga asing di ibu negara dan sentiasa menjalankan operasi berterusan untuk mengesan warga asing yang berada di negara ini secara haram.

"Bagi tujuan itu, kita sentiasa mengadakan operasi dan serbuan, malahan operasi secara bersepadu dengan agensi lain seperti DBKL dan polis, semua pihak akan saling bekerjasama dan bertukar-tukar maklumat.

"Namun isu kebanjiran warga asing ini juga memerlukan kerjasama dua hala dengan masyarakat setempat, yang boleh dikatakan menjadi penyumbang kepada kehadiran ramai warga asing di sesuatu lokasi," katanya.

Beliau berkata, kebergantungan majikan kepada tenaga kerja warga asing juga antara faktor kehadiran ramai warga asing di ibu negara.

"Begitu juga dengan pemilik premis kedai atau rumah kediaman yang menyewakan premis

masing-masing kepada warga asing. Malah ada yang menjadikan ruang di atas rumah-rumah kedai sebagai bilik-bilik sewa.

"Sebagai contoh, jika kepadatan penduduk di sesuatu tempat itu seramai 1,000 orang namun tindakan pemilik kedai mengubah suai ruang atas kepada bilik-bilik sewa bersaiz kecil dan disewakan pula kepada warga asing, mengubah angka itu sehingga empat hingga lima kali ganda.

"Kita nampak masih ada warga tempatan yang mengambil kesempatan membuat keuntungan tanpa memikir kepentingan penduduk setempat yang berada di sekeliling dan implikasinya," katanya.

Mengenai kebanjiran warga asing di Jalan Silang sehingga digelar 'Mini Dhaka', Syamsul Badrin berkata, lokasi itu menjadi tumpuan kunjungan warga asing kerana majoriti yang datang dan barangan diniagakan di situ berasal dari negara sama.

Katanya, memang ada perniagaan sah oleh pekedai yang menjual barangan keperluan warga Bangladesh, maka lokasi itu menjadi tumpuan golongan berkenaan.

"Lokasi itu dijadikan tempat perjumpaan sesama mereka (warga Bangladesh), ada menjual barangan yang biasa mereka guna di tempat asal dan keperluan mereka adalah benda yang sama.

"Situasi itu hampir serupa seperti di Little India di Brickfields, yang mana pengunjungnya ada juga daripada kalangan warga India membeli barangan yang hanya boleh didapati di situ," katanya.

Namun katanya, Imigresen akan sentiasa menjalankan pembanterasannya PATI, di lokasi tumpuan warga asing termasuk operasi bersepadu bersama agensi-agensinya lain dan usaha itu akan dipertingkatkan dua kali ganda mulai tahun hadapan.